

09 NOV 2003

Samy-Bidas/I

SAMY BIDAS KAUM INDIA YANG TIDAK BEKERJASAMA DENGAN MIC

SHAH ALAM, 9 Nov (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu membidas rakyat Malaysia keturunan India yang tidak bekerjasama dengan parti politik kaum India terbesar di negara ini bagi meningkatkan status komuniti itu.

"Sebilangan mereka menyoal apa yang kita lakukan untuk masyarakat kaum India sepanjang 22 tahun lepas. Kita melakukan banyak perkara dalam tempoh itu dan sukar untuk kita senaraikan satu persatu," katanya.

MIC percaya dengan prinsip berkhidmat kepada rakyat khususnya masyarakat kaum India dan tidak mencari "publisiti murah" seperti yang dilakukan oleh "beberapa parti", kata Samy Vellu pada Konvensyen Kebangsaan Jentera Pilihan Raya Umum MIC di sini hari ini.

Kira-kira 10,000 pemimpin peringkat cawangan, bahagian dan negeri MIC menghadiri konvensyen itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Konvensyen sehari itu turut dihadiri oleh Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Samy Vellu berkata sepanjang 22 tahun beliau menjadi presiden parti itu, beliau telah mengorbankan kehidupannya, masa dan wang untuk melihat masyarakat kaum India di negara ini menikmati kehidupan yang lebih baik.

"Kami membawa pelbagai isu kepada perhatian Kabinet dan mendapat keputusan. Secara keseluruhannya, ini telah membantu masyarakat kaum India," katanya.

Pada sidang media selepas itu, ditanya sama ada beliau merujuk kepada sesiapa atau sebarang parti khususnya, Samy Vellu berkata kenyataannya hari ini adalah umum dan tidak ditujukan kepada sesiapa secara khusus.

"Saya hanya berkata kepada mereka yang tidak bekerjasama dengan kita. Setiap hari kami di MIC berjuang untuk membantu komuniti itu. Ini hanya boleh dilakukan oleh MIC, yang merupakan satu-satunya parti kaum India di negara ini," katanya.

Dalam ucapannya pada konvensyen itu, Samy Vellu merakamkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah.

"Beliau (Dr Mahathir) telah mengerakkan pembaharuan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang moden dan dinamik. Kejayaan ini bukan datang dengan tiba-tiba, tetapi ia adalah hasil daripada visi dan dasar-dasar ekonomi beliau.

"Jasa beliau, khususnya kepada MIC dan masyarakat keturunan India akan sentiasa dikenang dan diabadikan selama-lamanya," kata Samy Vellu.

Dalam pada itu, beliau berkata kejayaan Abdullah ketika beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri selama 4 tahun 9 bulan telah meyakinkan rakyat bahawa beliau mampu mentadbir negara dengan jayanya.

"Ketika memperkerusi beberapa mesyuarat jawatankuasa kabinet, Datuk Seri Abdullah telah mengambil banyak keputusan yang memberi kesan yang amat positif kepada pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat India di negara ini," katanya.

Katanya dalam tempoh seminggu sahaja memegang jawatan Perdana Menteri, Abdullah telah menerima pujian rakyat dengan usahanya menubuhkan jawatankuasa petugas di setiap kementerian bagi mengurangkan kerenah birokrasi dalam usaha memerangi rasuah.

"Dengan cara yang serupa, penubuhan Institut Etika Awam dan Pelan Integriti Nasional akan terus mempupuk keyakinan orang ramai," katanya.

Katanya MIC bukan sahaja akan bekerja dengan Abdullah tetapi juga "akan memberi sokongan tidak berbelah bagi kepadanya dalam meniti kejayaan Malaysia masa kini dan memacu negara ke peringkat yang lebih tinggi."

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata MIC merupakan wakil tunggal kaum India di negara ini dan sentiasa menjadi sebuah parti yang relevan yang berjuang membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kaum India.

"Parti kini mempunyai, 4,300 cawangan dengan keanggotaan 601,012 orang dan kami bercadang menambah keanggotaannya kepada satu juta orang dalam tempoh dua tahun lagi," kata Samy Vellu.

Beliau juga berkata parti itu akan membentuk jawatankuasa pilihan raya peringkat cawangan, bahagian dan negeri sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

SR SR DC RHM